

JURNAL AKADEMIK

February 2005 Issue

**Attitudes Of Form Two Students
Towards Learning Science In
English: A Case Study Of Schools
In Kota Samarahan**

**The Sythesizing Process Of Work
Motivation Between Western And
Islamic Perspectives: An Analysis**

**Rethinking Industrial Relations
In Malaysia**

**The Influence Of Macroeconomic
Factors On The Malaysian Equity
Market**

**Synthesis Of Ceramic Matrix
Composite (Sic Based) Via
Polymer Precursor Route**

**On Autoregressive Order Selection
Criteria**

**Penilaian Tren Pengundi-Pengundi
Melayu / Melanau Muslim Dalam
Pilihanraya Sarawak 2001**

**Sejauhmana Bilangan Lelaki Dan
Wanita Di Tempat Kerja Boleh
Mempengaruhi Persepsi Gangguan
Seksual**

**Caesar DeAlwis, Saira Joe And
Sharifah Aishah Wan Kahar**

**Nursuria bt Mahrif,
Prof. Ibrahim Mamat And
Norizan b. Hj. Jili**

Kuldip Singh

**Jaafar Pyeman And
Abdullah Sulaiman**

**Hazman Seli And
Zainal Arifin Ahmad**

**Venus Khim-Sen Liew,
Sie-Hoe Lau And
Chin-Hong Puah**

**Prof Madya Shaharuddin
Badaruddin,
Abang Yusof Abang Spawi,
Nadrawina Hj Isnin And
Nursuria Mahrif**

**Prof. Madya Dr. Sabitha
Marican**



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK

Usaha Taqwa Mulia

SEJAUHMANA BILANGAN LELAKI DAN WANITA DI TEMPAT KERJA BOLEH MEMPENGARUHI PERSEPSI GANGGUAN SEKSUAL

Prof. Madya Dr. Sabitha Marican
Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Artikel ini membincangkan kesan bilangan wanita dan lelaki dalam kumpulan kerja terhadap gangguan seksual. Kajian menunjukkan bahawa pekerja yang berada dalam kumpulan kerja wanita dan lelaki yang tidak seimbang akan lebih cenderung mengalami gangguan seksual. Kesannya pula adalah lebih ketara untuk wanita berbanding dengan pekerja lelaki. Namun sikap yang liberal terhadap wanita didapati akan cenderung membuat lelaki dan wanita sama-sama mempersepsi gangguan seksual tanpa mengira bilangan wanita dan lelaki dalam kumpulan kerja mereka. Seterusnya artikel ini membentangkan beberapa strategi dalam membentuk budaya kerja yang berhemah tinggi serta bersikap liberal terhadap wanita dalam usaha mengatasi gangguan seksual di tempat kerja.

1.0 Pengenalan

Sejak kebelakangan ini, isu mengenai gangguan seksual telah menarik perhatian ramai di negara ini. Walaupun belum ada lagi penemuan kajian yang muktamad mengenai kejadian gangguan seksual di negara kita, namun Kementerian Sumber Manusia pasti bahawa masalah itu wujud di tempat kerja (Kementerian Sumber Manusia, 1999). Malahan menurut kenyataan Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia di Perkhidmatan Awam (CUEPACS), gejala gangguan seksual di kalangan pekerja perkhidmatan awam berada pada tahap yang serius (Yusri, 2001).

Seterusnya di negara kita, gangguan seksual bukan sahaja berlaku pada wanita tetapi lelaki juga turut mengalaminya (Badriyah, 1988; Rohani, 2000; Sabitha, 1998; 1999; 2000 a,b; Syarifah, 2001). Malahan ia juga berlaku pada pekerja tanpa mengira pangkat atau hirarki dalam organisasi. Ini menunjukkan bahawa lelaki dan wanita sama-sama boleh menjadi mangsa gangguan seksual (Noor Hazani, 2002). Namun gangguan seksual kurang dilaporkan (Lee Lam Thye, 1999; "Mangsa Gangguan Seksual", 1996) yang mana menurut Kementerian Sumber Manusia ianya mungkin kerana kurangnya kesedaran dan pengetahuan oleh mangsa terhadap kejadian yang dimaksudkan sebagai gangguan seksual (Rohani 2000; Zamani, 2000).

2.0 Apa itu gangguan seksual

Gangguan seksual ialah sebarang tingkah laku yang tidak diingini, tidak disenangi, serta berlaku tanpa diminta atau dibalas balik oleh penerima, yang mana ia memberi kesan sebagai satu gangguan samada secara lisan, bukan lisan, visual, atau fizikal (Tengku Omar & Maimunah, 2000; "Workshop on Code, 1999"). Pertama, ia terdiri dari bentuk ugutan yang memberi kesan secara langsung kepada status pekerjaan seseorang. Kedua, ianya berbentuk ancaman kepada ketenteraman peribadi, iaitu tingkah laku seksual yang dianggap oleh mangsa sebagai ancaman, ugutan atau penghinaan yang tidak mempunyai kaitan langsung dengan faedah-faedah pekerjaan (Kementerian Sumber Manusia, 1999; Tengku Omar & Maimunah, 2000).

3.0 Gangguan Seksual Dan Nisbah Jantina

Adapun komposisi ataupun bilangan lelaki dan wanita di tempat kerja sering di rujuk sebagai nisbah jantina di tempat kerja. Nisbah jantina kumpulan kerja individu, adalah nisbah lelaki dan wanita yang berinteraksi dalam kerja harian mereka (Gutek & Morasch, 1982). Menurut Kanter (1977a) mengenalpasti bahawa nisbah kumpulan kerja sebagai sebahagian dari aspek kehidupan sosial yang boleh memberi kesan ke atas perhubungan antara satu sama lain.

Nisbah jantina dalam hubungan dengan gangguan seksual juga seringkali dikaitkan dengan hipotesis kontak. Hipotesis ini menjelaskan bahawa lebih banyak kontak di antara jantina yang berlainan, maka lebih cenderung sesuatu tingkah laku itu akan di persepsi sebagai gangguan seksual (Raggins & Scandura, 1995). Pendek kata, kajian empiris menunjukkan bahawa kekerapan kontak boleh meramalkan tingkah laku seksual sosial, tanpa mengira jenis perkerjaan yang dilakukan oleh individu tersebut (Gutek, Cohen & Konrad, 1990).

Seterusnya hasil kajian mengenai nisbah jantina dalam kajian-kajian lepas (Bauer, et al., 1995; Gutek, 1985) menunjukkan bahawa gangguan seksual sering berlaku dalam pekerjaan yang mana komposisi lelaki dan wanita tidak seimbang. Mengikut Gutek, Cohen dan Konrad (1990) hipotesis kontak mengandaikan bahawa lebih kerap wanita berhubung dengan lelaki di tempat kerja, maka lebih cenderung mereka akan berhadapan dengan lelaki yang akan membuat jenaka seksual terhadap wanita. Begitulah juga dengan lelaki yang lebih kerap berinteraksi dengan wanita di tempat kerja lebih cenderung menjadi mangsa gangguan seksual atau komen unsur seksual dari wanita (Gutek, Cohen & Konrad, 1990). Dengan kata lain, kontak secara rutin dengan ahli kumpulan kerja yang berlainan jantina akan meningkatkan tingkah laku unsur seksual serta menjadikan tempat kerja berunsurkan seksual (sexualized) (Gutek, Cohen & Konrad, 1990).

4.0 Objektif kajian

Objektif kajian ini ialah untuk melihat hubungan antara nisbah lelaki dan wanita dalam kumpulan kerja dengan persepsi gangguan seksual. Kajian ini meneliti pergaulan antara lelaki dan wanita dalam lima keadaan iaitu:

- i. semua lelaki
- ii. semua wanita
- iii. wanita kurang dari lelaki
- iv. wanita dan lelaki hampir sama banyak
- v. wanita lebih ramai dari lelaki.

5.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan kesemua pekerja di salah sebuah organisasi kerajaan di negeri Kedah yang melibatkan pihak pengurusan dan sokongan sebagai responden kajian. Secara khususnya, responden kajian berada di Alor Setar, Kulim, Sungai Petani, Kuala Ketil, Langkawi dan Bukit Kayu Hitam. Data responden telah dikumpulkan melalui soal selidik, yang mana dari sejumlah 269 soal selidik, sebanyak 266 telah dapat digunakan untuk analisis kajian.

6.0 Instrumen Kajian

Persepsi gangguan seksual telah diukur dengan menggunakan soal selidik Utara Sexual Harassment Perception Questionnaire (dalam versi Bahasa Melayu) (Sabitha, 1999). Soal selidik ini mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan tingkah laku seksual unsur fizikal, visual, lisan dan bukan lisan seperti mana yang telah di definisi dalam Kod Amalan dan Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja oleh Kementerian Sumber Manusia.

7.0 Hasil Kajian

Seramai 269 orang, iaitu 165 orang lelaki dan 104 orang wanita telah melibatkan diri secara sukarela dalam kajian. Majoriti adalah bangsa Melayu (96.2%) dan beragama Islam. Kebanyakan responden adalah tergolong dalam jawatan kategori C (77.1%) dan kategori D (14.7%). Kumpulan pengurusan dan profesional merangkumi sebahagian kecil sahaja dari keseluruhan populasi kajian. Sebahagian besar dari responden telah berumah tangga dan mempunyai kurang dari 5 orang anak. Majoriti dari responden berpendidikan SPM dan STPM.

8.0 Dapatan Kajian

Dalam kajian ini didapati tidak ada responden yang berkerja dalam suasana semua wanita. Kajian mendapati skor min PGS untuk responden yang bekerja dalam suasana semua lelaki adalah yang paling rendah (min = 106.00, N = 7). Manakala mereka yang bekerja dalam suasana wanita kurang dari lelaki mencatat skor min PGS yang paling tinggi (min = 125.67, N = 60). Seterusnya, skor PGS bagi responden yang bekerja dalam suasana lelaki dan wanita sama ramai (min = 122.60, N = 110) dan dalam suasana wanita lebih dari lelaki (min = 122.06, N = 89) adalah lebih tinggi berbanding dengan responden yang bekerja dalam suasana semua lelaki. Dapatan ini menunjukkan responden wanita lebih cenderung mempersepsi gangguan seksual apabila mereka berkerja dalam suasana yang ramai lelaki.

Analisis bivariat pula menunjukkan nisbah jantina mempunyai perkaitan yang lemah dengan PGS (Gama = 0.179). Namun apabila JANTINA digunakan sebagai angkuhan kawalan, perkaitan hanya kekal untuk kategori wanita (Gama = -0.630; Jadual 1).

Jadual 1: PGS dan Nisbah Jantina

	Nisbah Jantina	
	Kurang Wanita	Lebih Wanita
PGS Tinggi	40.3%	49.2%
PGS Rendah	59.7%	50.8%
Jumlah	100% (N=67)	100% (N=103)

Gama = 0.179

Ini bermakna wanita mungkin lebih cenderung mempersepsi gangguan seksual apabila berada dalam kumpulan kerja yang ramai lelaki. Manakala bagi responden lelaki, bilangan wanita atau lelaki dalam kumpulan kerja, hampir tidak ada perkaitan dengan cara mereka mempersepsi gangguan seksual.

Jadual 2 PGS dan Nisbah Jantina dengan JANTINA (Lelaki)

	Nisbah Jantina	
	Kurang wanita	Lebih wanita
PGS Tinggi	29.1%	30.6%
PGS Rendah	70.9%	69.4%
Jumlah	100% (N=55)	100% (N=108)

Gama = 0.035

Jadual 3 PGS dan Nisbah Jantina dengan JANTINA (Perempuan)

	Nisbah Jantina	
	Kurang wanita	Lebih wanita
PGS Tinggi	91.7%	71.4%
PGS Rendah	8.3%	28.6%
Jumlah	100% (N=12)	100% (N=91)

Gama = -0.630

Jadual 4: PGS dan Nisbah dengan LPIJ (lebih liberal)

	Kurang wanita	Lebih wanita
PGS Tinggi	33.3%	22.9%
PGS Rendah	66.7%	77.1%
Jumlah	100% (N=87)	100% (N=35)

Gama = -0.256

Jadual 5: PGS dan Nisbah dengan LPIJ (kurang liberal)

	Kurang wanita	Lebih wanita
PGS Tinggi	61.6%	59.4%
PGS Rendah	38.4%	40.6%
Jumlah	100% (N=32)	100% (N=112)

Gama = -0.047

Berikutan lagi walaupun kajian lepas mengandaikan individu lebih cenderung untuk mempersepsi gangguan seksual jika berada dalam persekitaran kerja yang mempunyai nisbah jantina yang tidak seimbang, ia hanya benar untuk responden wanita, tetapi tidak ada perkaitan dengan persepsi responden lelaki.

Analisis lanjut dengan menggunakan sikap terhadap wanita sebagai angkubah kawalan, menunjukkan tidak ada perkaitan antara persepsi gangguan seksual dan bilangan wanita dan lelaki bagi responden yang mempunyai sikap yang tradisional terhadap wanita ($Gama = 0.047$; Jadual 5). Ini bermaksud responden lelaki mungkin cenderung mempersepsi gangguan seksual apabila berada dalam kumpulan kerja yang mempunyai ramai lelaki hanya apabila mempunyai sikap yang lebih liberal terhadap wanita.

9.0 Dapatan kajian dan Perbincangan

Kajian ini mendapati bilangan lelaki dan wanita dalam kumpulan kerja mempunyai kesan yang lebih ketara keatas wanita berbanding dengan lelaki. Wanita juga di dapati lebih cenderung mempersepsi gangguan seksual apabila berada dalam suasana yang ramai lelaki. Manakala komposisi lelaki dan wanita dalam kumpulan kerja tidak ada kesan keatas persepsi gangguan seksual responden lelaki. Namun begitu sikap terhadap wanita yang liberal akan cenderung membuat lelaki mempersepsi gangguan seksual apabila bekerja dalam kumpulan kerja yang ramai lelaki.

10.0 Mengapa persepsi gangguan seksual lebih tinggi apabila lelaki lebih ramai

Kajian ini mendapati bahawa persepsi gangguan seksual lebih tinggi apabila kumpulan kerja mempunyai ramai lelaki. Ini mungkin disebabkan persekitaran seksual lebih mudah terbentuk jikalau sesuatu tempat kerja mempunyai ramai lelaki berbanding dengan ramai wanita (Gutek, 1985). Ini seiring dengan dapatan kajian lain bahawa gangguan seksual akan menjadi lebih ketara (Bauer, et al 1995; Gutek, 1985; Martin, 1988), lebih banyak (Gutek, Cohen & Konrad, 1990) serta lebih serius (Gruber, 1997) apabila tempat kerja mempunyai ramai lelaki dari wanita. Malahan wanita dalam kerja bukan tradisional juga akan lebih cenderung mengalami gangguan seksual apabila kumpulan kerja mempunyai ramai lelaki (O'Farrell & Harlan, 1982).

Seterusnya wanita yang berada di tempat kerja yang ramai lelaki juga melaporkan permintaan terhadap kerja yang lebih berbanding dengan lelaki yang bekerja di kalangan yang ramai lelaki atau wanita (Hochwarter, Prewe & Dawkins, 1995). Dapatan ini adalah seiring dengan kajian lepas yang mendapati bahawa dalam sesetengah tempat kerja yang didominasi oleh lelaki, seramai tiga dari empat orang wanita mengalami gangguan seksual (Fitzgerald, 1993). Maka tidaklah menghairankan jika kadar aduan rasmi yang paling banyak dalam organisasi ialah yang mempunyai 75% dari tenaga kerjanya adalah lelaki (Fritz, 1989).

Antara sebab gangguan seksual lebih ketara apabila bilangan pekerja lelaki ramai mungkin kerana kehadiran wanita yang sedikit di kalangan lelaki yang ramai menjadikan wanita sebagai tumpuan. Dalam keadaan yang sedemikian, adalah agak sukar untuk lelaki untuk tidak menghiraukan kehadiran wanita dalam bilangan yang sedikit itu menyimpang dari norma (Bem, 1981). Seterusnya menurut Gutek dan Cohen (1987), apabila tempat kerja yang majoritinya adalah lelaki, maka aspek peranan wanita akan diberikan tumpuan oleh lelaki serta ahli-ahli dalam set peranan kerja (work-role set) tersebut. Ditambah pula dengan kecenderungan lelaki yang cenderung menjadikan interaksi di tempat kerja mereka berunsur seksual (Gutek, Cohen & Konrad, 1990).

11.0 Mengapa faktor nisbah kurang kesan ke atas lelaki

Responden lelaki didapati tidak cenderung mempersepsi gangguan seksual walaupun berada dalam kumpulan kerja yang ramai wanita. Kajian ini seiring dengan Gutek (1985) yang mana bukan sahaja dalam keadaan itu lelaki tidak merasakan diri mereka di dominasi oleh wanita tetapi ia juga tidak memberi kesan keatas persepsi gangguan seksual mereka. Walaupun ada yang mengalami gangguan seksual ia tidaklah teruk (Gruber, 1997; Gutek et al., 1990). Ini mungkin disebabkan walaupun wanita bekerja di kalangan wanita yang ramai, mereka tidak cenderung untuk memberikan perhatian ke atas aspek keseksualan (sexuality) lelaki, sepertimana yang akan dilakukan oleh pekerja lelaki ketika berada di kalangan pekerja wanita yang ramai. Selain dari itu wanita juga tidak cenderung memulakan unjuran seksual terhadap lelaki sepertimana yang sering di lakukan oleh lelaki. Oleh yang demikian responden lelaki tidak cenderung menghadapi masalah samada bekerja di kalangan wanita yang ramai maupun sedikit.

Seterusnya menurut kajian Hearn dan Parkin (1987), walaupun dalam keadaan ramai wanita, kaum lelaki masih akan terus bertingkah laku dalam unsur seksual. Ini kerana, salah satu cara yang asas lelaki memelihara kawalannya ialah dengan memasukkan unsur seksual dalam hubungan sosial mereka. Ini kerana gangguan seksual merupakan satu bentuk penderaan seksual yang sebahagian besarnya ditujukan kepada wanita, yang merupakan satu bentuk "campurtangan yang intim" yang bertindak untuk mengawal wanita agar tidak melewati batas (Stanko, 1985).

12.0 Apa berlaku bila wanita ramai

Kajian ini juga mendapati wanita tidak cenderung mempersepsi gangguan seksual apabila wanita lebih ramai dari lelaki. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Gutek (1985) iaitu apabila pekerja wanita ramai, maka secara tidak langsung kerja itu akan dinilai mengikut peranan jantina wanita. Ini kerana peranan kerja akan bertindan dengan peranan jantina, yang mana seringkali pekerjaan mereka berunsurkan tugas-tugas yang lazim dilakukan oleh wanita. Dengan yang demikian pekerjaan yang mempunyai bilangan pekerja wanita yang ramai akan dipenuhi dengan tugas-tugas unsur wanita (Gutek dan Morasch, 1982). Dalam keadaan ini, wanita diharapkan bertingkah laku mengikut stereotaip wanita yang lazim dan bukan berasaskan peranan kerja yang diberikan kepada mereka.

Memandangkan cara wanita bertingkah laku seringkali dikongkong oleh budaya (Freeman, 1984; Kanter, 1977a), maka mereka juga secara tidak langsung akan akur pada kehendak budaya yang berasaskan jantina di tempat kerja. Oleh yang demikian apabila berhadapan dengan saranan seksual, wanita akan kurang cenderung untuk melabel pengalaman mereka itu sebagai gangguan seksual dan menerimanya sebagai sebahagian dari kerja mereka atau menganggapnya sebagai satu perkara biasa.

Malah kajian lepas juga menyokong bahawa apabila bilangan wanita itu ramai dalam satu-satu pekerjaan, maka ia akan merangsang kejadian limpahan peranan ikut jantina (Maypole, 1986). Sepertimana yang diterangkan oleh Kanter (1977b), apabila sesuatu pekerjaan itu didominasi oleh wanita seperti pelayan tetamu, maka aspek peranan jantina, termasuklah peranan sebagai objek seks atau 'penggoda' akan terangkum dalam peranan kerja mereka tersebut. Lelaki melihat wanita semata-mata sebagai wanita, dan bukan sebagai individu yang menjawat sesuatu pekerjaan. Sebagai contoh, sekiranya menjadi jururawat, wanita harus bersifat 'pengasuh' (nurturing) dan jikalau bekerja sebagai pelayan tetamu pula mereka harus bertindak secara 'seksi' (Hearn, 1985).

13.0 Kesan sikap terhadap wanita dan Persepsi Gangguan Seksual

Kajian ini juga menemui bahawa persepsi gangguan seksual akan terangsang sekiranya individu mempunyai sikap terhadap wanita yang liberal, tanpa mengira bilangan wanita dan lelaki dalam kumpulan kerja tersebut. Ianya seiring dengan kajian lepas bahawa gangguan seksual dan bilangan wanita dan lelaki mempunyai perkaitan yang rapat dengan faktor sikap terhadap wanita (Maypole, 1986).

Kajian ini juga mendapati hanya responden yang bersikap lebih liberal terhadap wanita sahaja cenderung mempersepsi gangguan seksual. Keadaan ini lebih ketara apabila wanita berada dalam kumpulan kerja yang ramai lelaki. Ini kerana walaupun kajian lepas menunjukkan lelaki yang berada dikalangan pekerja wanita yang ramai akan kurang cenderung mempersepsi gangguan seksual, namun disebabkan mereka bersikap liberal menjadikan mereka lebih cenderung menumpukan perhatian pada peranan kerja wanita dan kurang memberi tumpuan pada peranan wanita mengikut jantina (Kanter, 1977a/b).

Seterusnya wanita yang mempunyai sikap yang liberal juga akan membuat mereka mengesan dengan cepat tingkah laku unsur seksual yang dilakukan pada diri mereka, samada berada dalam kumpulan kerja yang ramai atau kurang wanita. Ini kerana sikap liberal akan membuat mereka peka terhadap hak saksama di tempat kerja dan dengan itu merangsang mereka mempersepsi tingkah laku seksual di tempat kerja sebagai mengganggu.

Sebaliknya responden lelaki maupun wanita yang bersikap tradisional terhadap wanita pula didapati kurang cenderung mempersepsi gangguan seksual tanpa mengira bilangan lelaki dan wanita dalam kumpulan kerja mereka. Ini mungkin disebabkan individu yang mempunyai pandangan yang tradisional terhadap wanita lazimnya adalah lebih konservatif dan cenderung menerima tingkah laku seksual sebagai suatu tingkah laku biasa di tempat kerja. Lelaki juga akan kurang cenderung mempersepsi gangguan seksual di sebabkan oleh pengaruh kuasa sosial lelaki yang lebih tinggi dari wanita serta tanggapan yang negatif terhadap mereka. Malahan mereka yang bersikap tradisional juga akan cenderung menyalahkan mangsa dan kadangkala tidak sedar akan kesan buruk disebabkan oleh tingkah laku gangguan seksual tersebut.

14.0 Cadangan

14.1 Mengatur Strategi Sistem Pendidikan

Memandangkan limpahan peranan ikut jantina atau sikap terhadap wanita mempunyai perkaitan dengan persepsi gangguan seksual di tempat kerja, dan sikap ini pula dibentuk oleh budaya dan sistem patriarki yang wujud dalam masyarakat kita, maka ini menyedarkan kita bahawa satu rancangan yang melihat pendidikan dan perkembangan anak-anak di negara kita harus diberikan tumpuan. Maka salah satu cara mengubah persepsi terhadap wanita ialah melalui sistem pendidikan di negara kita. Untuk berbuat demikian, ia memerlukan campurtangan dari Kementerian Pendidikan agar pengajian gender secara formal dapat disertakan dalam sillabus dan aktiviti sekolah. Melalui sistem pendidikan diharapkan kesedaran terhadap gangguan seksual dapat mengubah kesan pengalaman lelaki dan wanita hasil dari sosialisasi dalam masyarakat kita.

Ianya selaras dengan dapatan kajian Bischof, Stith dan Wilson (1992) yang menyatakan bahawa sesetengah daripada orang dewasa yang melakukan gangguan seksual, bermula ketika mereka remaja dan tingkah laku mereka menjadi lebih teruk dan kerap dengan meningkatnya umur mereka. Melihatkan anak-anak yang dididik masa kini diharapkan membentuk generasi yang berbudi bahasa di masa depan maka salah satu caranya ialah dengan memasukkan topik pengenalan terhadap apa yang dimaksudkan sebagai tingkah laku seksual dalam kurikulum pelajaran. Sebagai contoh dalam mata pelajaran pendidikan moral atau agama di peringkat sekolah dan topik etika tingkah laku di tempat kerja untuk penuntut di peringkat pengajian tinggi.

14.2 Peranan Media Massa

Kajian ini juga turut memberi implikasi dari sudut peranan media massa di negara kita memandangkan sikap terhadap wanita berkaitan rapat dengan persepsi terhadap gangguan seksual. Ini kerana menurut kajian lepas, kanak-kanak semasa kecil yang dipaparkan melalui media mengenai lelaki dan wanita dewasa yang melakukan pekerjaan yang tidak tradisional (non-traditional job) mengikut peranan jantina (gender role) didapati memberikan pendapat yang cenderung tidak stereotaip dari segi sikap dan kepercayaan mereka. Sebaliknya kanak-kanak yang dipaparkan dengan orang dewasa yang melakukan kerja tradisi atau yang dilakukan oleh kedua-dua jantina mempunyai sikap yang lebih stereotaip (Davidson, Yasuna & Tower, 1979; Flerx, Dorothy & Ronald, 1976).

Menurut Tan (1992), hirarki yang berasaskan jantina memang wujud dalam keluarga dan masyarakat di negara kita. Memandangkan budaya kita masih dipengaruhi oleh sistem patriarki, kajian ini menjangka bahawa nilai terhadap peranan wanita dan lelaki boleh dipupuk melalui saluran media, iaitu melalui paparan dokumentari, rencana serta wawancara mengenai gangguan seksual di tempat kerja yang tidak bias terhadap gender.

14.3 Program Pembangunan Masyarakat

Akhir sekali, pendekatan perubahan dan pembasmian gangguan seksual harus dilakukan melalui perubahan unsur sosial atau kemasyarakatan. Ini kerana kursus atau pendedahan terhadap gangguan seksual kepada individu setelah dia berada di alam pekerjaan sahaja tidak mencukupi untuk menangani masalah ini.

Malahan pengkaji yang lepas juga menyatakan bahawa untuk menukar sikap terhadap gangguan seksual, kepercayaan umum terhadap peranan ikut jantina harus diubah terlebih dahulu (Jensen & Gutek, 1982). Ianya seiring dengan kenyataan Rokiah dan Shanti (1998) bahawa nilai-nilai individu sememangnya dibentuk berdasarkan pilihan-pilihan yang dibuat oleh ahli dalam masyarakat serta diterima secara sosial oleh masyarakat tersebut. Seandainya pilihan yang dibuat oleh ahli-ahli dalam sesuatu masyarakat berubah, maka nilai dalam masyarakat itu juga akan turut berubah. Oleh itu kajian ini menjangkakan jikalau hendak mengawal gangguan seksual, satu cara ialah melalui perubahan sikap individu terhadap wanita.

Seterusnya Bui dan Kleiner (1996) membahaskan bahawa bahasa unsur seksual dan stereotaip terhadap peranan jantina telah tertanam dalam diri kita, dan ia memerlukan usaha, masa dan kos yang tinggi untuk membentuk semula diri kita. Oleh kerana sikap unsur patriarki terbentuk dalam diri individu sejak kecil, maka ia memerlukan usaha di peringkat kebangsaan agar kesedaran ini dapat didedahkan secara meluas. Dengan yang demikian kerajaan negara kita harus mengadakan pelbagai usaha kesedaran terhadap gangguan seksual di peringkat nasional untuk memastikan tempat kerja bebas dari gangguan seksual.

Ini memerlukan penglibatan Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat yang harus berusaha mendidik masyarakat melalui program, bengkel forum dan seminar mengenai gangguan seksual agar dapat mendidik anak-anak yang akan mewarisi generasi yang akan datang.

15. Kesimpulan

Gangguan seksual merupakan satu gejala yang memberi kesan negatif ke atas individu, organisasi dan masyarakat amnya. Memandangkan gangguan seksual ini mempunyai pertalian dengan sikap terhadap individu terhadap wanita, maka untuk mengatasi masalah tersebut ia memerlukan usaha padu dari semua peringkat masyarakat agar ia dapat di bendung sebelum tingkah laku seksual menular menjadi satu budaya dalam organisasi kerja.

16.0 Rujukan

Badriyah Salleh (1988). Kajian Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang 1986-1988: Kejadian gangguan seksual di dalam kampus USM. Anjuran Persatuan Kakitangan Islam, Universiti Sains Malaysia dan Pusat Islam Universiti Sains Malaysia.

Bauer, P. A. & Kleiner, B. H. (1995). Understanding and managing sexual harassment. *Equal Opportunities International*, 14, 6/7, 24-36.

Bem, S. L. (1981). Gender schema theory: A Cognitive account of sex-typing. *Psychological review*, 88: 354-364.

Bischof, G. P., Stith, S. W. & Wilson, S. M. (1992). A comparison of family systems of adolescent sexual offenders and non-sexual offending delinquents. *Family Relations*, 41, 318-323.

Bui, M. X. & Kliener, B. H. (1996). Sexual harassment on campus: Definition and Preventive Measures. *Equal Opportunities International*, 16 (4), 201-218.

CUEPACS patut buat laporan polis buktikan dakwaan (2001, Mac 25). *Mingguan Malaysia*, ms3

Davidson, E., Yasuna, A. & Tower, A. (1979). The effects of television cartoons on sex role stereotyping in young girls. *Child Development*, 50, 597-600.

Fitzgerald, L. F. (1993). Sexual harassment: Violence against women in the workplace. *American Psychologist*, 48 (19), 1070- 1076.

Flerx, V. C, Dorothy, S. F. & Ronald, W. R. (1976). Sex Role stereotypes: developmental aspects and early intervention. *Child Development*, 47, 998-1007.

Freeman, J. (1984). *Women: A Feminist Perspective*. Chicago: Mayfield Publishing Company.

Fritz, N. (1989). Sexual Harassment and the Working Woman. *Personnel*, 66, February 4-10.

Gruber, J. E. (1997). An epidemiology of sexual harassment: Evidence from North America dan Europe. Dlm. W. T. O'Donohue (Pnyt.), *Sexual Harassment: Theory and Research dan Treatment* (ms. 84-98). Needham Heights, MA: Allyn & Bacon.

Gruber, J. E. (1997). An epidemiology of sexual harassment: Evidence from North America dan Europe. Dlm. W. T. O'Donohue (Pnyt.), *Sexual Harassment: Theory and Research dan Treatment* (ms. 84-98). Needham Heights, MA: Allyn & Bacon.

Gutek, B. (1985). *Sex and the workplace. Impact of sexual behaviour and harassment on women, men and organisation*: San Francisco: Jossey- Bass.

Gutek, B. A. & Morasch, B. (1982). Sex-ratios, sex-role spillover and sexual harassment of women at work. *Journal of Social Issues*, 38 (4), 55-74.

Gutek, B. A., Cohen, A. G. & Konrad, A. M. (1990). Predicting social - sexual behaviour at work: A contact hypothesis. *Academy of Management Journal*, 33, 560-577

Gutek, B. A. & Cohen, A. C. (1987). Sex Ratios, Sex Role Spillover and Sex at work: A comparison of Men and Women Experience. *Human Relations*, Vol. 40 (2), 34-45.

Hearn, J. & Parkin, W. (1987). *Sex at work: The power and paradox of organizational sexuality*. Brighton: Wheatsheaf Books.

Hearn, J. (1985). Men's sexuality at work. Dlm. A. Metcalf & M. Humphries (Pnyt.), *The Sexuality of Men* (71-90). London: Pluto.

Hochwarter, W. A., Brewe, P. L. & Dawkins, M. C. (1995). Gender differences in perception of stress-related variables: Do the people make the place or does the place make the people? *Journal of Managerial Issues*, 7, 62-74.

Jensen, I. W. & Gutek, B. A. (1982). Attributions and assignment of responsibility in sexual harassment. *Journal of Social Issues*, 38, 121-136.

Kanter, R. M. (1977a). *Men Woman of the Corporation*. New York: Basic Books.

Kanter, R. M. (1977b). Some effects of proportions of group life: Skewed sex-ratios and responses to token women. *American Journal of Sociology*, 82, 965-990.

Kementerian Sumber Manusia (1999). *Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja*. Kuala Lumpur.

Lee Lam Thye (1999b, Mac). Sexual Harassment: Let's Give Code of Practice a Chance. *New Straits Times*, ms 2.

Lee Lam Thye (1999a, April). *Akta Gangguan Seksual*, Dewan Budaya, ms. 37.

Mangsa gangguan seksual masih membisu (1996, April 27). *Berita Harian*, m.s. 27.

Martin, E. (1988). *The women in the body: A Cultural Analysis Of Reproduction*. Boston: Beacon Press

Maypole, D. E. (1986). Sexual harassment of social workers at work: Injustice within? *Social Work*, 31, 29-34.

Noor Hazani Musa (2002). Mengapa gangguan seksual kurang dilaporkan, *Jelita*, Januari, 104-106.

O'Farrell, B. & Harlan, S. L. (1982). Craftworkers and clerks: The effect of male coworker hostility on women's satisfaction with nontraditional jobs. *Social Problems*, 29, 252-264.

Raggins, B. R. & Scandura, T. A. (1995). Antecedents and work-related correlates of reported sexual harassment: An empirical investigation of competing hypotheses. *Sex Roles*, 32 (7/8), 429-455.

Rohani Abdul Karim (2000). *Perundangan Gangguan seksual di tempat kerja: Antara Kesedaran dan Kejahilan*. Kertas kerja di Seminar Kebangsaan: Wanita Malaysia Dalam Alaf Baru. Anjuran Southeast Asian Association for Gender Studies, Malaysia Branch (SAMA) dan Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rokiah , T. & Shanti, T. (Pnyt.) (1998). *Gender, Budaya dan Masyarakat* (ms. 4-5). Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Sabitha, M. (1998, Oktober 8). Lelaki juga alami gangguan seks. Utusan Malaysia, m.s.9

Sabitha, M. (1999a). The Perception and incidences of Towards Sexual Harassment Among Public Sector Administrators. Laporan kajian tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia

Sabitha, M. (2000a). Persepsi gangguan seksual antara lelaki dan wanita di tempat kerja. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Wanita Malaysia Di Alaf Baru, 16-17 September, anjuran SAMA dan Jabatan Sains Politik, UKM.

Sabitha, M. (2000b). Gangguan seksual di tempat kerja: Antara Bos, Pekerja dan Subordinat. Kertas kerja yang di bentangkan di Seminar Kesedaran dan Penyedaran Tentang Gangguan Seksual Di Sektor Awam. Anjuran Kementerian Sumber Manusia, Alor Setar, 9 November

Stanko, E. A. (1985). *Intimate Intrusion*. London : Routledge.

Study confirms both men and women subject to abuse at the workplace (2000, March 10). *New Straits Times*, ms.11.

Syarifah Salmah Syed Harun (Mei, 2001). Perception of sexual harassment among employees of the managerial and supervisory level. Tesis Sarjana tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia.

Tan Poo Chang (1992). Status and Role of Malaysian Women in Development and Family Welfare: Policy Implications and Recommendations. Laporan Penyelidikan, ke 8, Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Faculty of Economics and Administration

Tengku Dato Omar Tengku Bot & Maimunah, A. (2000). *A Guide to the Malaysian Code of Practice on Sexual Harassment at Workplace*. Kuala Lumpur: Leeds Publications.

Workshop on Code of practice on the prevention and eradication of sexual harassment in the workplace (1 Mac 1999). Anjuran Kementerian Sumber Manusia.

Yusri Sahat (2001, Mac 23). CUEPACS: Gangguan seksual di dakwa serius. *Utusan Malaysia*, ms. 15.

Zamani Sailan (2000). Gangguan seksual dari perspektif polis. Kertas kerja yang di bentangkan di Seminar Kesedaran dan Penyedaran Tentang Gangguan Seksual Di Sektor Awam. Anjuran Kementerian Sumber Manusia, Alor Setar, 9 November